


Alam Haiwan dan Spesies Terancam

DAWAMA

**TEROKAI
ENSIKLOPEDIA
DUNIA
SIRI KESEPULUH**



Haiwan wujud dalam banyak bentuk dan saiz. Ia berjalan atau merayap di darat dan mengorek lubang dalam tanah. Ia berenang dalam air dan terbang di udara. Malah sesetengah haiwan hidup di dalam badan haiwan-haiwan lain. Haiwan yang terbesar ialah paus biru, panjangnya kira-kira 30 meter atau sepanjang sebaris lima ekor gajah dewasa. Tiada siapa yang tahu dengan tepat berapa banyak spesies haiwan.

Setakat ini, ahli sains telah mengelaskan, mengumpul dan menamakan lebih daripada 1.5 juta jenis haiwan. Lebih daripada setengah jumlah ini adalah jenis serangga. Banyak spesies baru ditemui setiap tahun. Ahli sains percaya bahawa mungkin terdapat 2 juta hingga 50 juta jenis haiwan yang hidup sekarang. Banyak jenis haiwan lain pernah hidup di bumi ini tetapi telah pupus. Ia termasuk dinosaur dan dodo.

Haiwan boleh dikelompokkan dengan banyak cara. Ia boleh disusun mengikut sama ada haiwan tersebut hidup di darat atau di dalam air, mengikut bilangan kakinya, dikelompokkan melalui cara ia bergerak, dibahagikan kepada kumpulan mengikut jenis darah sama ada ia berdarah sejuk atau berdarah panas dan mengikut kumpulan sama ada ia bertulang belakang atau tidak. Secara saintifiknya ahli zoologi membahagikannya kepada kumpulan yang lebih kecil lagi, yang mempunyai lebih banyak sifat yang sama.

Kumpulan yang terbesar ialah alam Animalia sendiri yang termasuk semua haiwan. Seterusnya,

setiap haiwan diletakkan dalam kumpulan yang dikenali sebagai filum. Setiap filum dibahagikan kepada kumpulan yang dikenali sebagai kelas. Kelas dibahagikan kepada order, dan order dibahagikan kepada famili. Famili pula dibahagikan kepada genus, dan genus dibahagikan kepada spesies. Misalnya, harimau tergolong dalam alam Animalia, filum Kordata, kelas Mamalia, order Karnivora, famili Felida, dan genus Panthera. Ia adalah anggota spesies Panthera tigris. Singa berkaitan dengan harimau. Ia tergolong dalam alam yang sama (Animalia), filum (Kordata), kelas (Mamalia), order (Karnivora), famili (Felida), dan genus (Panthera) yang sama seperti harimau. Tetapi singa dikelaskan dalam spesies yang berbeza iaitu Panthera leo.

Haiwan hidup di banyak jenis tempat. Tempat haiwan hidup dikenali sebagai habitatnya. Setiap jenis habitat menimbulkan cabaran khas kepada haiwan. Terdapat tujuh jenis habitat haiwan yang terdiri daripada pergunungan, padang rumput, hutan beriklim sederhana, hutan tropika, gurun, kawasan kutub, dan lautan. Habitat haiwan juga dikumpulkan mengikut benua tempat ia tinggal seperti Afrika,

Amerika Selatan, Amerika Utara, Antartika, Asia, Australia dan Eropah.

Setiap spesies haiwan memainkan peranan dalam keseimbangan kesemua sistem kehidupan. Kini, semakin banyak bilangan haiwan di seluruh dunia terancam akibat kepupusan. Bumi telah melalui beberapa zaman kepupusan besar-besaran. Ramai ahli sains percaya bahawa dalam zaman kepupusan yang lalu, haiwan pupus kerana sebab-sebab semula jadi tetapi kini aktiviti manusia bertanggungjawab terhadap kemusnahan spesies.

Terdapat tiga pengelasan utama bagi spesies haiwan dalam bahaya kepupusan iaitu pertamanya terancam, kedua mudah terdedah kepada bahaya dan akhirnya ialah nadir. Spesies terancam menghadapi ancaman kepupusan yang paling serius. Ia memerlukan perlindungan manusia secara langsung untuk hidup. Umpamanya ikan Sturgeon yang biasa hidup di perairan di Eropah. Penangkapan spesies yang ikan ini secara berlebihan dan pencemaran persekitarannya telah menyebabkan bilangannya merosot. Pembinaan empangan dan lain-lain kerja air di sungai tempat sturgeon biasa berhijrah untuk bertelur (membiak) juga

telah membahayakan ikan ini.

Spesies mudah terancam kepada bahaya kadangkala dirujuk sebagai spesies terancam. Ia banyak terdapat di sesetengah kawasan tetapi bilangannya semakin berkurangan atau menghadapi bahaya yang serius. Contohnya tenggiling raksasa yang mendiami Amerika Tengah dan Amerika Selatan. Apabila penduduk bertambah, manusia telah memusnahkan banyak habitat tenggiling untuk memberi laluan kepada ladang dan bandar. Di Amerika Selatan tenggiling raksasa diburu sebagai aktiviti sukan.

Manakala spesies nadir pula sama ada mempunyai populasi di kawasan geografi yang sempit atau bertaburan jauh-jauh di seluruh kawasan yang luas. Antara contoh haiwan terancam dalam spesies ini adalah *helang harpy* yang terbesar dan terkuat yang tinggal bertaburan di selatan Mexico hingga ke timur Bolivia, selatan Brazil dan utara Argentina. Pemusnahan hutan hujan tropika dikenal pasti sebagai ancaman kepada spesies burung pemangsa ini.

Banyak faktor menyumbang kepada terancamnya haiwan antaranya ialah pemusnahan habitat yang merupakan ancaman utama kepada haiwan. Penerokaan hutan, penebangan pokok dan aktiviti pembakaran untuk memberi laluan kepada tanah ladang menyebabkan habitat musnah dan spesies menghadapi bahaya kepupusan. Dianggarkan 50 spesies hutan hujan menjadi pupus setiap hari kerana aktiviti manusia. Sesetengah haiwan terancam akibat aktiviti perdagangan keluaran haiwan kerana bulunya atau lain-lain bahagian badannya dianggap bernilai. Misalnya, tanduk badak sumbu dan gading gajah. Haiwan tersebut terancam apabila pemburu membunuh bagi mendapatkannya. Selain itu, pemburuan berlebihan sesuatu spesies boleh menyebabkan kepupusan. Kadangkala haiwan diburu kerana manusia mengganggunya sebagai perosak seperti yang berlaku ke atas serigala merah di Amerika Utara yang dijerat, diburu dan diracun kerana sebab ini.

Pengenalan spesies baru ke sesuatu kawasan juga dikenal pasti sebagai bencana bagi haiwan asalnya. Apabila orang Eropah mendarat di Hawaii dan lain-lain kepulauan Pasifik, tikus

terlepas lari dari kapal dan aktiviti memperkenalkan kucing bela jinak memakan dan membunuh burung asal. Akibatnya, lebih daripada 100 jenis burung di Kepulauan Pasifik telah pupus sejak tahun 1600. Faktor lain yang mengancam haiwan ialah penduduk manusia yang semakin bertambah yang mengurangkan sumber-sumber yang ada dan memerlukan lebih banyak tanah untuk hidup. Akibatnya lebih banyak habitat haiwan akan dimusnahkan.

Selama bertahun-tahun, kebimbangan terhadap hidupan liar yang semakin lenyap menyebabkan manusia mengambil beberapa langkah. Sesetengah haiwan dilindungi di tempat perlindungan hidupan liar atau di taman manakala yang lain hidup di zoo. Banyak zoo dan pusat penyelidikan membiakbakaan haiwan terancam dengan harapan mengembalikan anaknya ke habitatnya. Dalam usaha melindungi dan pemuliharaan haiwan beberapa pertubuhan pemuliharaan hidupan liar beroperasi di banyak negara antaranya adalah Greenpeace, World Wide Fund for Nature dan The World Conservation Union.


Di Malaysia usaha perlindungan dan pembiakbakaan giat dijalankan bagi memastikan spesies haiwan terpelihara. Baru baru ini penyelidik dari Universiti Malaysia Sabah telah berjaya menghasilkan ikan kerapu kacukan dari dua spesies ikan kerapu melalui penyuburan telur ikan kerapu harimau (*Epinephelus fuscoguttatus*) dengan ikan kerapu gergasi (*Epinephelus lanceolatus*) menggunakan teknik penyuburan in-vitro (IVF). Menurut Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr Mohd Noh Dalimin ia merupakan kejayaan pertama percantuman seumpamanya di dunia yang menggabungkan ciri-ciri morfologikal dua spesies induk. Penemuan itu adalah hasil kerjasama penyelidik dari Institut Kaji Selidik Marin Borneo UMS, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Profesor Dr Shigeharu Senoo dari Kinki University Jepun.

Untuk mengetahui secara lebih lanjut berkaitan alam haiwan beserta penerangan dalam bentuk gambar, para pembaca bolehlah merujuk *Ensiklopedia Dunia Jilid 8* bagi artikel yang berkaitan dengan Haiwan.

Haiwan terancam di dunia

Haiwan adalah terancam di seluruh dunia, dari gurun berpasir di Afrika hingga ke hutan berbahang di Amerika Selatan, dan dari dataran ditumpu angin di tengah Asia hingga ke pergunjungan diteliti salji di Eropah dan perairan sejuk di Amerika Utara. Peta ini menunjukkan di mana sesetengah spesies terancam hidupnya.

Sesetengah haiwan terancam		
Nama	Takson	Kawasan
Helang Adalbert Imperial	Sepanyol, Maghribi, Algeria	Ditauri berlebihan; dimusnahkan oleh racun perosak, pemusnahan hutan tempat bersarang, pengurangan lokalan makanan.
Buaya Amerika	Tenggara Amerika Syarikat, Mexico, Amerika Tengah dan Amerika Selatan, Kepulauan Caribbean	Ditauri berlebihan untuk kulitnya; mengalami pemusnahan habitat.
Oryx Arab	Semenanjung Arab	Ditauri berlebihan untuk dagingnya, kulitnya, dan aktiviti sukan; ditamatkan oleh program pembiakbakaan dalam karnag.
Singa Asia	India	Dahulunya luas kawasanya; kini hanya hidup di hutan Gir di negeri Gujarat di barat India; ditauri berlebihan untuk aktiviti sukan juga mengalami kehilangan habitat.
Cheetah	Afrika ke India	Kehilangan habitat; ditauri berlebihan untuk aktiviti sukan.
Cougat Florida (latar panther Florida)	Amerika Syarikat	Ditauri berlebihan kerana manusia mengganggunya sebagai perosak; mengalami pemusnahan habitat; dahulunya berkekalkan dari timur Texas melalui Florida dari utara hingga ke Arkansas, Tennessee, dan Carolina Selatan; ditauri sama ada hidup di luar Florida kini.
Tamarin singa loremasan	Brazil	Merosot kerana pemusnahan habitat dan pengumpulan berlebihan untuk penyelidikan perubatan dan sebagai haiwan kesayangan; sedang ditamatkan melalui pembiakbakaan dalam karnag.
Kuda belang Grevy	Kenya	Ditauri berlebihan untuk kulitnya dan aktiviti sukan.
Kana rana sayap-burung	Asia Tenggara	Habitat dimusnahkan untuk ladang dan padang ternak.
Katu Alandora	Papua New Guinea	Habitat dimusnahkan oleh perubahan dari pertanian yang meluas.
Kolobus merah Zanibar	Tenggara Amerika Syarikat	Habitat dimusnahkan; ditauri, dijerat dan diracun kerana manusia mengganggunya sebagai perosak; kini kira-kira 40 individu lar. 100 dalam karnag.
	Zanibar (Tanzania)	Habitat di kawasan yang besar-besaran terbahat; habitat dimusnahkan.



ANTARA haiwan-haiwan yang terancam mengikut lokasi habitat.

